

# MRT lonjak KL bandar raya hebat

» Sistem cekap bersepadu kurangkan kesesakan jalan raya Lembah Klang

Sudah menjadi hakikat bahawa jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang perlu dipertingkatkan untuk manfaat kira-kira enam juta penduduk yang berulang-alik jauh ke tempat kerja setiap hari. Bagi menjadikan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya lebih selesa didiami, sistem pengangkutan awam bandar yang cekap amat diperlukan. Jika kita berkunjung ke bandar raya masyhur dunia, lambang kemegahannya pasti termasuk sistem pengangkutan awam yang berfungsi mantap dan membolehkan warganya berulang-alik dengan tambang murah dan pantas.

## Sistem yang cekap

Hanya sebuah sistem yang cekap dengan rancangan pembangunannya dilakukan secara teliti dan rapi dapat mengangkut bilangan penumpang yang besar ketika mereka bergegas pada waktu sibuk pagi dan petang di sebuah bandar raya besar.

Dalam rangkaian pengangkutan seperti ini, sistem Transit Aliran Massa (MRT) memainkan peranan utama serta perlu diperkukuhkan dengan kaedah pengangkutan lain seperti laluan pejalan kaki, bas, teksi dan tren komuter.

Perkhidmatan pengangkutan awam kita hanya merangkumi 16.4 peratus daripada keseluruhan pengangkutan bandar, berbanding 87 peratus di Hong Kong. Jika kita mahu meningkatkan angka itu, pembangunan MRT amat perlu.

Kami sudah melaksanakan pelbagai usaha, dengan mengambil pendekatan menyeluruh bertujuan mencapai penambahbaikan secara serentak untuk semua jenis pengangkutan sedia ada.

Kami menetapkan sasaran tinggi dan banyak keberhasilan daripada usaha kami sudah dicapai.

Kami bukan menggesa projek MRT kerana ia menelan belanja besar dan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kami benar-benar mendesak pembinaan MRT kerana kita amat memerlukan MRT kerana sudah terlalu lama kita perlukan sistem ini.

Disebabkan kekurangan sistem pengangkutan yang cekap, Malaysia mempunyai peratusan pemilikan kenderaan tertinggi selepas Amerika Syarikat.

Kita memiliki 11 juta kereta dan sembilan juta motosikal, walhal rakyat kita hanya 28 juta orang.

Ertinya, dengan anggaran empat



IDRIS JALA

idrisjala@pemandu.gov.my

juta keluarga, purata lebih dua kereta bagi seisi rumah.

Berikutan ketidakcukupan kapasiti pengangkutan awam dan harga petrol serta kos selenggara kereta agak rendah, jumlah pemilikan kenderaan meningkat tinggi sehingga mengakibatkan kesesakan teruk di bandar.

## Pilihan alternatif

Bukanlah strategi permulaan kami untuk menyekat jumlah kereta di jalan raya dengan menggunakan kaedah seperti menaikkan harga minyak dan mengenakan bayaran masuk ke pusat Bandar pada waktu sesak. Langkah ini tidak munasabah sebelum menyediakan pilihan terlebih dulu.

Sebab itulah kami menekankan peningkatan kapasiti sistem pengangkutan awam untuk menjadikannya lebih murah dan mengikut kemampuan, lebih mudah digunakan serta lebih mesra penumpang.


Sebahagian langkah itu akan memakan masa seperti laluan baru untuk pengangkutan awam bagi Greater Klang Valley.

Ini adalah langkah mustahak dan amat perlu bagi memastikan sistem pengangkutan ini cekap, meliputi segenap lapisan penduduk.

Kami sudah mengambil tindakan mantap dengan penganugerahan tender yang pantas dan telus. Orang awam juga dimaklumkan dengan maklumat terkini pada setiap tahap perkembangan dan kami turut berusaha memperoleh sokongan setiap pihak berkepentingan.

Sasaran terdekat kami amat rumit. Perdana Menteri sudah menetapkan sasaran peratusan pengangkutan awam yang perlu dicapai menjelang akhir 2012.

Memandangkan peratusan ini hanya antara 10 hingga 12 peratus



MRT tambah kecekapan pengangkutan awam di Lembah Klang.

pada 2009 dan bilangan kenderaan persendirian terus bertambah, kami berdepan tugas yang sangat sukar iaitu perlu melonjakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam.

## Pertambahan penumpang

Kami akan berusaha sedaya upaya, namun jika gagal mencapai peratusan itu dalam masa terdekat, ia bukan kerana kami tidak cukup ikhtiar - masih ada hasil pencapaian yang amat besar.

Pada 2011, bilangan penumpang menggunakan pengangkutan awam pada masa sibuk di waktu pagi bertambah 85,000 orang, peningkatan lebih satu pertiga berbanding pada 2010.

Dari segi kepuasan pengguna, kami menasarkankan pencapaian 50 peratus, namun sudah mencapai 53 peratus atau 106 peratus sasaran kami.

Bagi faktor kapasiti penumpang bas pula, kami menasarkankan 56 peratus dan hasilnya mendapat 96 peratus pada kadar pencapaian 171 peratus. Pemarkahan komposit keseluruhan kami ialah 108 peratus, menandakan satu pencapaian luar biasa.

## Keberkesanan lalu lintas

Pada dasarnya, apa yang kami lakukan adalah menambah kapasiti dan keberkesanan semua aliran dan cara pengangkutan - rel, bas dan teksi - lalu meningkatkan penyepaduan sesama serta antara setiap pengangkutan itu.

Secara ringkasnya (anda boleh melayari laman web kami untuk maklumat lanjut) bagi aliran rel, kami mempertingkatkan kekerapan atau frekuensi perkhidmatan Komuter KTM dan LRT (Transit Aliran Ringan) dan kapasiti penumpang dengan menambah gerabak untuk setiap tren dan kapasiti

setiap gerabak.

Cadangan memperluas sistem LRT dan monorel KL juga sedang berjalan.

Bagi sistem perkhidmatan bas pula, kami menggerakkan 470 bas feeder tambahan bagi mempertingkatkan serta mengubah suai seluruh sistem bas feeder sedia ada, memperbaharui 1,102

perhentian bas di Lembah Klang pada 2010 dan 2011, dan memperkenalkan Sistem Tiket Bas Baru dalam usaha menyepadukan dan membolehkan penggunaan bayaran tiket tanpa tunai secara Touch n Go dalam bas bagi perjalanan yang menggunakan semua perkhidmatan pengangkutan awam lain.

## Model perniagaan baru

Terkini, model perniagaan baru untuk perkhidmatan teksi yang diumumkan Perdana Menteri. Model ini akan menekankan sistem teksi dikendalikan pemilik teksi berbanding sistem sedia ada yang bersandarkan pemilikan lesen perkhidmatan pihak ketiga.

Kami sedang merancang sistem teksi berpusat dan matlamat utama kami ialah memartabatkan perkhidmatan teksi kita setanding dengan yang terbaik di ASEAN.

Kami berhasrat menyepadukan semua kaedah pengangkutan ini menerusi laluan pejalan kaki, kemudahan tempat letak kereta yang membolehkan penumpang meletak dan terus menaiki kenderaan awam serta sistem kutipan tambang automatik yang merentasi semua sistem pengangkutan.

Sesetengah daripada hasrat kami ini sudah dilaksanakan. Seiring

## FAKTA NOMBOR

16.4 peratus

Perkhidmatan pengangkutan awam merangkumi daripada keseluruhan pengangkutan bandar

11 juta kereta, 9 juta motosikal

berbanding 28 juta rakyat Malaysia

dengan penyepaduan ini termasuk usaha menaik taraf beberapa kemudahan lain, iaitu penambahbaikan stesen KTM, pembinaan terminal bas di luar atau di pinggir bandar untuk mengurangkan kesesakan (yang dikenali sebagai hentian akhir bandar) serta pembangunan

pengangkutan dalam bandar atau intrakota pada selang masa yang lebih kerap bagi membawa penumpang ke segenap pelosok bandar.

## Projek sedang dibina

Memang masih banyak usaha yang perlu dilakukan sebelum Kuala Lumpur dan Lembah Klang mampu mempunyai sistem bersepadu mantap serta berfungsi dengan lancar, namun kami sudah memperlihatkan permulaan yang baik.

Projek MRT sedang dibina, LRT dan monorel diperluaskan dan kemudahan sedia ada digunakan pada tahap terbaik, malah lebih baik daripada itu.

Apa kata anda cuba sendiri, mungkin sudah tiba masa anda tinggalkan kereta di rumah dan menaiki pengangkutan awam ke tempat kerja. Cuba-cubalah, anda mungkin kagum sendiri dengan perkhidmatan yang sedia ada.

## Penulis

adalah CEO PEMANDU dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Komen adil dan saksama berkenaan kolom ini adalah dialu-alukan melalui idrisjala@pemandu.gov.my